



**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**TIGA KES JENAYAH HIDUPAN LIAR DIKESAN DALAM OPERASI
BERSEPADU KHAZANAH (OBK) ZON SELATAN,
RAMPASAN BERNILAI RM33,000**

1. Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tengah telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Zon Selatan di sekitar Cheras, Kuala Lumpur dan Selangor pada 12 Ogos 2026.
2. Hasil operasi tersebut, tiga (3) kes berasingan berkaitan jenayah hidupan liar telah berjaya dikesan. Tindakan penguatkuasaan berkenaan melibatkan penyitaan enam (6) ekor burung yang disyaki hidupan liar, terdiri daripada lima (5) ekor Sun Conure dan satu (1) ekor Merbah Luris Leher, serta empat (4) unit sangkar. Turut disita bagi membantu siasatan ialah satu (1) dokumen perjalanan Republik Indonesia dan satu (1) unit telefon bimbit.

3. Seramai tiga (3) individu telah ditahan dalam operasi berkenaan, terdiri daripada dua (2) lelaki tempatan dan seorang (1) lelaki warganegara Indonesia. Kesemua individu yang ditahan serta barang kes telah dibawa ke Ibu Pejabat PERHILITAN untuk siasatan dan tindakan lanjut.
4. Jumlah keseluruhan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM33,000.
5. PERHILITAN akan terus mempergiatkan kerjasama strategik dengan PDRM serta agensi penguatkuasaan berkaitan bagi membanteras jenayah hidupan liar secara bersepadu dan memastikan khazanah biodiversiti negara terus dilindungi.
6. Orang ramai juga diharapkan untuk bersama-sama menyalurkan maklumat berkaitan jenayah hidupan liar. Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian hotline 1-800-88-5151 atau melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) di laman sesawang rasmi www.wildlife.gov.my

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN
NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA**
13 OGOS 2026

